

16/09/2002

Tindakan hospital suruh pesakit pulang dikesali

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Ahad - Majlis Belia Selangor (MBS) kesal tindakan Hospital Selayang menyuruh pesakit hati, Fakhrul Radzi Rosdi, 15 bulan, pulang ke rumah berikutan tidak dapat melakukan pembedahan jangkitan Hepatitis B tanpa memberikan alternatif lain.

Presiden MBS, Datuk Abdul Rahman Palil, berkata hospital itu juga tidak berhubung dengan MBS ketika menyuruh Fakhrul Radzi pulang, selain tidak memberikan sebarang cadangan rawatan kepada keluarganya.

Katanya, MBS ada menulis surat kepada Hospital Selayang memohon mendapatkan laporan bertulis status Fakhrul Radzi tetapi sehingga kini, mereka belum menerima laporan itu.

"MBS yang bertanggungjawab menubuhkan Tabung Fakhrul Radzi bagi membantunya menjalani pembedahan hati dukacita kerana Hospital Selayang memberikan gambaran kepada keluarga pesakit itu seolah-olah tiada lagi harapan untuk merawat pesakit itu.

"Lebih mengecewakan doktor di Hospital Selayang tidak memberikan alternatif atau pandangan ke mana hendak dirujuk pesakit ini sama ada ke hospital swasta atau menjalani rawatan di luar negara," katanya di sini, hari ini.

Abdul Rahman berkata, hospital itu sepatutnya memberikan cadangan ke mana hendak dirujuk masalah Fakhrul Radzi serta berbincang dengan MBS selaku "bapa angkatnya" mengenai rawatan bersesuaian.

Katanya, tindakan Hospital Selayang juga tidak sejajar saranan kerajaan, terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan nyawa pesakit diberi keutamaan.

Mengenai masalah jangkitan virus Hepatitis B yang dipercayai berlaku ketika pemindahan darah, Abdul Rahman berkata, MBS mendesak Kementerian Kesihatan menyiasat punca jangkitan itu.

"MBS mahu tahu adakah ia satu kecuaihan pihak berkaitan dan jika ia benar, kita mendesak pihak berkenaan supaya bertanggungjawab," katanya.

Abdul Rahman juga menggesa Kementerian Kesihatan menggunakan peruntukan Tabung Kesihatan yang diwujudkan dengan dana permulaan RM5 juta, bagi membantu Fakhrul Radzi.

"Jangan biarkan anak ini menderita sepanjang hayat atau mengalami nasib seperti Sofea Qhairunnisa," katanya.

Katanya, jika pakar hospital kerajaan tidak berupaya merawat dan membedah, kerajaan wajar memanggil pakar luar sebagai pakar rujuk atau pakar bedah jemputan dengan pembiayaan dari tabung itu.

"Menteri Kesihatan mengumumkan hospital kerajaan mempunyai peralatan lengkap dan serba canggih setara dengan hospital swasta yang ternama di Malaysia. Oleh itu, jika dipanggil doktor luar bagi menjalankan pembedahan di hospital kerajaan ia boleh mengurangkan kos," katanya.

Abdul Rahman berkata, MBS akan meneruskan kutipan Tabung Fakhrul Radzi yang kini mencecah RM80,000 kerana selain membiaya rawatan pembedahan, wang itu dapat membantu keluarganya selepas ayahnya, Rosdi Mohd Noor terbabit dalam skim pemberhentian sukarela.